

Headline 'Klinik kaki lima' tidak lagi beroperasi
Date 31 May 2010
MediaTitle Kosmo
Section Negara
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 115,967 / 406,000

Language Malay
Page No 2
Article Size 136 cm²
Color Full Color
ADValue 1,182
PRValue 3,547



'Klinik kaki lima' tidak lagi beroperasi

KUALA LUMPUR – Selepas tiga hari *Kosmo!* mendedahkan kegiatan 'klinik gigi kaki lima' di Jalan Pasar berhampiran Pasar Pudu di sini, kelibat 'doktor gigi' warga China yang menyediakan perkhidmatan pergigian jalanan itu sudah tidak kelihatan.

Tinjauan semula *Kosmo!* ke kawasan tersebut semalam mendapati tempat itu sudah tidak lagi menjadi tumpuan pengunjung yang mahu mendapatkan khidmat menanam gigi palsu daripada 'doktor gigi' tanpa tauliah.

Wartawan *Kosmo!* turut melakukan risikan hasil kerjasama beberapa peniaga di kawasan itu dan mereka mengakui tidak lagi melihat kelibat 'doktor gigi' terbabit selepas *Kosmo!* mendedahkan kegiatan itu Sabtu lalu.

Kosmo! difahamkan, selepas sehari kegiatan 'doktor gigi' tanpa tauliah itu didedahkan, pihak berkuasa telah melakukannya serbuan dan merampas peralatan



KERATAN *Kosmo!* 29 Mei 2010.

yang digunakan untuk perkhidmatan menanam gigi palsu.

Sabtu lalu, *Kosmo!* mendedahkan kegiatan sekumpulan empat lelaki warga China yang menawarkan perkhidmatan menanam gigi palsu dan aktiviti itu di-

lakukan di kawasan kaki lima sekitar Jalan Pasar.

'Klinik gigi' tersebut bukan sahaja beroperasi secara terbuka malah lelaki yang berlagak seperti doktor itu juga tidak memakai sarung tangan ketika merawat pesakit mereka.

Lebih menjijikkan, mereka hanya menggunakan segelas air biasa bagi membasuh peralatan yang telah digunakan tanpa dinyah kuman.

Gejala itu boleh membuatkan pesakit mereka terdedah kepada jangkitan kuman serta terdedah kepada pelbagai risiko penyakit termasuk AIDS, batuk kering dan hepatitis B.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin ketika dihubungi mengesahkan kawasan berkenaan telah diserbu dan pihaknya telah merampas semua peralatan yang digunakan untuk perkhidmatan tersebut.